



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI NOVEMBER 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index – BSI) Negara Brunei Darussalam bagi November 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas sekitar 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi di seluruh negara.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Pendekatan BSI secara proaktif membolehkan data dan maklumat yang dikumpul dijadikan sebagai indikator awal untuk mengenal pasti kedudukan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik atau optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.
Bawah 50	Keadaan yang merosot atau pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

4. Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks Keadaan Perniagaan, dicatat pada tahap 50.0 pada November 2025, menunjukkan keadaan perniagaan keseluruhan yang serupa dengan bulan sebelumnya. Kebanyakan perniagaan mendapati keadaan seperti biasa dengan tiada perubahan yang ketara dari Oktober 2025, justeru menyumbang kepada sentimen neutral. Di samping itu, laporan daripada perniagaan yang lain didapati bercampur optimistik dan pesimistik. Pandangan optimistik didorong oleh projek-projek baharu, aktiviti promosi, tahap permintaan yang lebih tinggi berkaitan dengan acara-acara dan peningkatan aktiviti selepas musim peperiksaan. Manakala pandangan pesimistik didorong oleh peningkatan perjalanan rentas sempadan yang mengurangkan perbelanjaan pengguna dalam negeri. Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan pula berada pada 50.1, menunjukkan bahawa kebanyakan perniagaan agak optimistik terhadap prospek di bulan Disember 2025 melalui penerimaan gaji termasuk bonus, jualan akhir tahun, aktiviti membeli-belah sempena kembali ke sekolah dan perayaan dijangka akan meningkatkan perbelanjaan para pengguna. Selain itu, perniagaan juga menjangka projek-projek baharu menjelang tahun baru, manakala beberapa perniagaan yang lain mungkin akan mengalami gangguan berkaitan cuaca dan penamatan kontrak.

5. Sub-indeks Pelaburan berada pada 50.5 bagi bulan semasa, 50.4 untuk satu bulan (1M) ke hadapan dan 50.7 untuk tiga bulan (3M) ke hadapan, mencerminkan bahawa tahap pelaburan akan meningkat pada bulan November 2025 dan terus meningkat dalam beberapa bulan akan datang. Bagi bulan November dan Disember 2025, kebanyakan perniagaan meramal tahap pelaburan yang lebih tinggi disebabkan oleh perancangan berkaitan dengan penyelesaian projek akhir tahun, termasuk pembelian mesin, menaiktaraf peralatan dan aktiviti pengubahsuaian. Peniaga-peniaga menjangka pelaburan akan terus meningkat dalam beberapa bulan akan datang, terutamanya bagi persediaan untuk permintaan musim perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri, permulaan projek baharu, penganugerahan tawaran projek, pembelian mesin baharu, pengubahsuaian dan pembukaan cawangan baharu.
6. Sub-indeks Pekerjaan berada pada 49.9 bagi bulan semasa dan satu bulan (1M) ke hadapan. Kedua-dua sub-indeks menunjukkan pandangan sedikit pesimistik disebabkan penurunan yang kecil dalam jumlah pekerja. Ini terutamanya didorong oleh pengurangan tenaga kerja berkaitan dengan penyelesaian beberapa projek besar, pengurangan skop kerja atau pengecilan saiz perniagaan (downsizing), serta peletakan jawatan atau penamatan kontrak pekerja tanpa penggantian segera. Walau bagaimanapun, penurunan tersebut disifatkan sebagai sementara sahaja, dan banyak perniagaan telah menyatakan rancangan untuk mengambil pekerja gantian dan mengekalkan tenaga kerja yang sedia ada.
7. Sub-indeks Kos ialah 49.6 bagi bulan semasa dan 50.6 bagi satu bulan (1M) ke hadapan, menunjukkan bahawa kos dijangka menurun pada November 2025 dan meningkat pada Disember 2025. Beberapa perniagaan menyatakan jangkaan kos yang lebih rendah pada bulan November 2025 disebabkan oleh penyelesaian projek besar dan kelembapan bermusim. Sesetengah responden juga menjangka pengurangan perbelanjaan bahan mentah, penyewaan mesin, dan penyelenggaraan kenderaan. Banyak perniagaan secara amnya menjangka kos yang lebih tinggi pada Disember 2025, didorong oleh pembayaran bonus tahunan dan perbelanjaan berkaitan dengan projek. Selain itu, peningkatan perbelanjaan untuk aktiviti jerayawara (roadshow), pengiklanan, acara-acara jualan musim percutian dan kempen akhir tahun turut menyumbang kepada kos yang lebih tinggi pada bulan tersebut.

BSI November 2025	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.5
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.7
Pengambilan Pekerja	49.9
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Kos Perniagaan	49.6
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.6

8. Dari segi sektor ekonomi:

	Sektor	Indeks	Huraian
Sentimen Optimistik	Kewangan & Insurans	50.1	Sedikit optimistik berikutan jangkaan peningkatan pengeluaran pinjaman dan sumbangan takaful.
	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.1	Sedikit optimistik disebabkan oleh jualan hartanah yang lebih tinggi di kawasan tertentu walaupun terdapat pusing ganti penyewa, dengan kebanyakan perniagaan melapor kadar penghunian yang stabil.
	Pembuatan	50.1	Sedikit optimistik di atas pesanan dan projek-projek baharu, serta pemulihan bekalan gas yang dijangka akan meningkatkan tahap pengeluaran.
Tiada Perubahan	Perkhidmatan Lain	50.0	Sentimen secara amnya adalah neutral kerana pandangan optimistik berkaitan dengan projek baharu dan pembaharuan kontrak diimbangi oleh jangkaan penyiapan kontrak-kontrak besar, cabaran keadaan cuaca, dan kelembapan aktiviti pelanggan secara bermusim.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0	Sentimen secara amnya adalah neutral berdasarkan jangkaan operasi akan terus stabil, walaupun terdapat kebimbangan mengenai pembayaran pelanggan yang tertunda.
	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	50.0	Sentimen neutral memandangkan aktiviti yang dijangka stabil meskipun terdapat kebimbangan terhadap pembekalan dan permintaan (supply and demand).
	Hotel & Restoran	50.0	Sentimen optimistik yang sederhana didorong oleh aktiviti promosi dan katering acara – yang berkemungkinan akan meningkatkan prestasi – diimbangi dengan sentimen pesimistik di kalangan perniagaan yang terjejas oleh Siuk Havoc Food Festival dan perjalanan cuti awal yang mengurangkan trafik pelanggan.
Sentimen Pesimistik	Kesihatan & Pendidikan	49.9	Walaupun sesetengah klinik berpandangan optimistik di atas permintaan yang tinggi untuk perkhidmatan yang tertentu, sentimen keseluruhan dijangka turun disebabkan oleh cabaran bermusim seperti kelembapan selepas tempoh peperiksaan dan pengurangan trafik pelanggan.
	Perdagangan Borong & Runcit	49.9	Sentimen di kalangan pedagang runcit lemah berikutan Siuk Havoc Food Festival dan perjalanan cuti awal, justeru menyumbang kepada pasaran yang lebih senyap.

	Pembinaan	49.8	Sentimen cenderung negatif disebabkan oleh penyiapan projek, penangguhan tender dan ketidaktentuan cuaca yang berkemungkinan akan menjejaskan aktiviti-aktiviti berkaitan.
	Pengangkutan & Komunikasi	49.7	Beberapa perniagaan besar menjangkakan penurunan disebabkan oleh penyiapan kontrak atau tempoh senyap yang biasanya dialami sebelum musim percutian.

9. **Dari segi saiz perniagaan:**

	Saiz	Indeks	Huraian
Sentimen Optimistik	Sederhana	50.1	Perniagaan bersaiz sederhana melapor sentimen optimistik terutamanya disebabkan oleh projek-projek baharu dan promosi bermusim.
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	Banyak perniagaan bersaiz mikro dan kecil melapor operasi perniagaan seperti biasa, dengan beberapa ulasan mengenai pengurangan trafik pelanggan dan gangguan cuaca bermusim. Walau bagaimanapun, kebanyakannya kekal neutral dengan menyatakan aktiviti yang stabil dan tidak berubah berbanding bulan sebelumnya.
	Kecil	50.0	
	Besar	50.0	Sentimen neutral dicatat bagi perniagaan besar di bulan November 2025, memandangkan penyiapan kontrak besar bagi beberapa sektor manakala projek jangka panjang masih diteruskan.

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 10 Rejab 1447H / 31 Disember 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan

sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/ tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga November 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.